

Analisis Lakuan Pertuturan dalam Filem Yek Icin Mahak Menggunakan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969)

Speech Act Analysis in the Film Yek Icin Mahak Using Searle's Speech Act Theory (1969)

WAN NOR AZLINA ABDULLAH & MOHAMAD ROZI KASIM

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis lakuan pertuturan dalam filem 'Yek Icin Mahak' menggunakan teori lakuan pertuturan Searle (1969). Kajian ini melibatkan analisis kandungan teks ujaran dialog watak-watak yang terdapat dalam filem 'Yek Icin Mahak' menggunakan reka bentuk kualitatif. Data yang diperolehi akan dianalisis menggunakan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969). Terdapat lima jenis lakuan pertuturan yang telah dikategorikan oleh Searle (1969) iaitu lakuan direktif, asertif, ekspresif, komisif dan deklaratif. Hasil dapatan kajian menunjukkan terdapat 539 lakuan pertuturan dalam filem ini. Lakuan pertuturan yang mencatatkan kekerapan yang paling tinggi ialah lakuan direktif iaitu sebanyak 265 ujaran, diikuti dengan lakuan asertif sebanyak 165 ujaran dan lakuan ekspresif sebanyak 95 ujaran. Lakuan yang paling kurang digunakan ialah lakuan komisif iaitu sebanyak 14 ujaran. Hasil dapatan kajian juga menunjukkan hanya terdapat empat jenis lakuan pertuturan yang diujarkan oleh watak-watak dalam filem ini iaitu lakuan direktif, asertif, ekspresif dan komisif. Lakuan deklaratif tidak terdapat dalam kajian ini. Dari segi implikasi, kajian ini menunjukkan kepentingan memahami lakuan pertuturan yang sering dituturkan dalam konteks ini dapat diketahui untuk diaplikasikan dalam kehidupan sebenar.

Kata kunci: Lakuan pertuturan; ujaran; filem; Yek Icin Mahak; Teori Searle (1969)

ABSTRACT

This study aims to analyze speech acts in the film 'Yek Icin Mahak' using Searle's (1969) speech act theory. The study involves analyzing the dialogue texts of characters in the film 'Yek Icin Mahak' using a qualitative design. The data obtained will be analyzed using Searle's (1969) Speech Act Theory. Searle (1969) categorized speech acts into five types which are directive, assertive, expressive, commissive, and declarative acts. The findings indicate that there are 539 speech acts in the film. The most frequently occurring speech act is the directive act, with 265 utterances, followed by the assertive act with 165 utterances and the expressive act with 95 utterances. The least used speech act is the commissive act, with only 14 utterances. The results also reveal that only four types of speech acts are present in the film: directive, assertive, expressive, and commissive. The declarative speech act is not found in this study. In terms of implications, this study highlights the importance of understanding commonly used speech acts in this context, which can be applied in real-life situations.

Keywords: Speech act; speech; film; Yek Icin Mahak; Searle's Theory (1969)

PENDAHULUAN

Media yang paling digemari oleh kebanyakan masyarakat di negara kita ialah filem. Hal ini dikatakan demikian kerana sesebuah filem juga mempunyai nilai dan pengajaran yang boleh dijadikan teladan dalam kehidupan seharian. Melalui filem yang ditayangkan dan ditonton oleh semua lapisan masyarakat tanpa mengira usia, aspek lakuan pertuturan yang diujarkan oleh watak-watak dalam filem tersebut dapat dilihat. Lakuan pertuturan amat

penting dalam menyampaikan mesej dan maklumat yang jelas dalam sesebuah filem. Selain itu, lakuan pertuturan yang mudah difahami juga dapat menarik perhatian penonton. Menurut Nurul Afifah Adila Mohd Salleh et al. (2021) pelbagai istilah telah digunakan untuk menggantikan perkataan 'speech acts' dalam bahasa Inggeris. Di Malaysia, perkataan ini dikenali sebagai 'lakuan bahasa', 'lakuan tutur' dan 'lakuan pertuturan'. Bagi negara Indonesia pula lakuan pertuturan dikenali sebagai 'tindak tutur' oleh para sarjana mereka. Dalam dunia akademik,

kepelbagaian istilah ini tidak menjadi masalah kerana setiap satu istilah ini boleh digunakan dalam kajian lakuan bahasa. Industri perfileman di negara kita juga sering menghadapi masalah dari segi penggunaan bahasa dalam filem untuk menyampaikan idea, isu dan pemikiran kepada penonton. Antara permasalahan yang menyebabkan kajian ini dilakukan ialah penonton tidak dapat memahami mesej yang terkandung dalam filem dengan jelas. Kekurangan pemahaman tentang lakuan pertuturan akan menimbulkan masalah kepada penonton. Hal ini dikatakan demikian kerana lakuan pertuturan adalah aspek yang paling sukar untuk penonton menentukan penggunaannya apabila melibatkan kategorinya yang terdapat dalam Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969). Lakuan yang diujarkan oleh penutur mempunyai makna tertentu. Oleh sebab itu, pentingnya penonton memahami mesej yang terkandung dalam filem. Menurut Aminuddin Saimon (2021) penggunaan lakuan pertuturan yang jelas sangat penting dalam sesebuah filem bagi membolehkan plot berkembang dan disampaikan dengan mudah kepada penonton. Filem-filem yang berunsurkan pendidikan seperti filem 'Yek Icin Mahak' sering ditayangkan bagi menghargai kesungguhan dan semangat guru dalam mendidik anak bangsa. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan untuk melihat aspek lakuan pertuturan yang sering digunakan oleh watak-watak dalam filem ini. Lantaran itu, kajian dalam filem ini dijalankan juga bertujuan untuk melihat aspek lakuan pertuturan yang boleh diaplikasikan dalam konteks pendidikan sebenar dengan lebih mendalam. Kajian ini akan membincangkan kategori dan subkategori lakuan pertuturan yang terdapat dalam Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969) iaitu lakuan direktif, asertif, ekspresif, komisif dan deklaratif. Setiap kategori ini mempunyai subkategorinya masing-masing.

SOROTAN LITERATUR

Penelitian terhadap lakuan pertuturan agak meluas dijalankan oleh para pengkaji terdahulu sama ada di luar negara atau dalam negara. Kajian mengenai lakuan pertuturan telah dilakukan oleh pengkaji tempatan iaitu Aminuddin Saimon (2019). Kajian yang bertajuk 'Lakuan Bahasa dalam Filem Melayu Terpilih' ini bertujuan untuk mengenal pasti lakuan bahasa yang terdapat dalam filem Melayu terpilih, menganalisis lakuan bahasa dalam filem Melayu terpilih menggunakan Teori Lakuan Bahasa Searle (1969) dan merumus akal budi Melayu yang terpancar

melalui penggunaan lakuan bahasa yang terdapat dalam filem Melayu terpilih. Bagi mendapatkan data kajian, pengkaji telah menganalisis filem Semerah Padi (1956), filem Hang Jebat (1961), filem Seri Mersing (1961) dan filem Lancang Kuning (1962). Keempat-empat filem ini merupakan filem Melayu klasik. Kajian ini menggunakan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969) untuk menganalisis kandungan dan mengkategorikan setiap ujaran. Lakuan bahasa telah dikenal pasti dalam keempat-empat filem yang dikaji sebanyak 1391 lakuan. Dalam kajian ini, lakuan asertif dan direktif ialah lakuan bahasa yang paling kerap digunakan, diikuti oleh lakuan ekspresif dan direktif. Lakuan yang paling kurang digunakan dalam kajian ini ialah lakuan komisif dan deklaratif. Oleh itu, kajian yang dilakukan oleh Aminuddin Saimon (2019) boleh dijadikan rujukan, panduan dan nilai tambah untuk menganalisis dapatan kajian yang diperoleh melalui kajian ini menggunakan lima jenis lakuan yang diketengahkan dalam Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969).

Selain itu, kajian Aminuddin Saimon (2021) yang bertajuk 'Lakuan Pertuturan dalam Filem Nordin Ahmad' juga dilakukan bertujuan untuk menganalisis lakuan pertuturan yang terdapat dalam empat buah filem yang dipilih. Antara filem yang dipilih untuk menganalisis data kajian ialah filem Semerah Padi, Hang Jebat, Seri Mersing dan Lancang Kuning. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan analisis teks. Melalui kajian ini, sebanyak 1391 lakuan bahasa yang telah dituturkan oleh watak dalam keempat-empat buah filem ini. Hasil kajian mendapati lakuan yang kerap digunakan ialah lakuan asertif lakuan sebanyak 671 diikuti oleh lakuan direktif sebanyak 442 dan lakuan ekspresif sebanyak 176. Lakuan yang paling kurang digunakan dalam kajian ini ialah lakuan komisif dan deklaratif. Lakuan pertuturan asertif dan direktif paling kerap digunakan kerana banyak penggunaan plot penceritaan. Kedua-dua lakuan ini menggambarkan bahawa dalam sesuatu peristiwa bahasa peranannya penting dalam membentuk kelangsungan komunikasi berdasarkan hajat komukatif penutur itu. Jelasnya, kajian yang dilakukan oleh Aminuddin Saimon (2021) boleh dijadikan panduan untuk menganalisis data dalam kajian ini menggunakan Teori Searle (1969).

Seterusnya, kajian yang bertajuk 'Pancaran Akal Budi Dalam Filem Semerah Padi: Analisis Lakuan Bahasa' telah dijalankan oleh Nur Asyiqin Ilyia Zaini dan Aminuddin Saimon (2023).

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti lakuan bahasa yang mencerminkan akal budi dalam filem *Semerah Padi*. Kaedah kualitatif telah digunakan dalam kajian ini melibatkan analisis kandungan teks. Data yang diperoleh daripada filem *Semerah Padi* (1956) akan dianalisis menggunakan Teori Lakuan Bahasa Searle (1969). Kajian ini akan mematuhi lima prinsip yang terdapat dalam Teori Lakuan Bahasa Searle (1969) iaitu asertif, direktif, komisitif, ekspresif dan deklaratif. Hasil dapatan kajian ini mendapati sebanyak 248 lakuan bahasa dalam filem *Semerah Padi*. Lakuan asertif ialah lakuan yang paling tinggi iaitu sebanyak 113 diikuti dengan lakuan direktif sebanyak 83 dan lakuan ekspresif sebanyak 37. Lakuan komisitif mencatatkan data sebanyak 10 dan yang paling sedikit data ialah lakuan deklaratif sebanyak 5. Ujaran lakuan bahasa yang terdapat dalam Filem *Semerah Padi* memainkan peranan penting dalam mentafsir akal budi seseorang. Dengan ini, kajian Nur Asyiqin Iyilia Zaini dan Aminuddin Saimon (2023) boleh menjadi rujukan tambahan untuk kajian ini kerana kajian tersebut menggunakan lima jenis lakuan pertuturan iaitu asertif, direktif, komisitif, deklaratif dan ekspresif. Oleh itu, kajian tersebut boleh menjadi panduan untuk menganalisis data yang diperoleh menggunakan Teori Searle (1969).

Di samping itu, kajian Dorinë Rakaj (2023) yang bertajuk '*An Analysis of Speech Acts in the Movie Hive*' bertujuan untuk melihat jenis lakuan pertuturan yang diujarkan oleh watak utama dalam filem *Hive*. Jenis ilokusi yang dihasilkan oleh Fahrige iaitu watak utama dalam filem ini akan dianalisis menggunakan kaedah kajian kuantitatif dan kualitatif. Hasil analisis data menggunakan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969) menunjukkan bahawa watak utama yang terdapat dalam filem ini menggunakan empat jenis lakuan pertuturan dalam ujarannya iaitu representatif sebanyak 37.3%, direktif sebanyak 35.5% dan ekspresif beserta komisitif masing-masing 13.6%. Lakuan deklaratif tidak diujarkan oleh watak utama dalam filem tersebut. Dengan ini, kajian yang dilakukan oleh Dorinë Rakaj (2023) boleh dijadikan panduan untuk kajian ini kerana menggunakan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969).

Akhir sekali, kajian yang dilakukan oleh Wan Nur Azira dan Maslida Yusof (2021) bertajuk '*Lakuan Bahasa Meme dalam Komunikasi Internet Gen Z*' dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti lakuan yang terdapat dalam *meme* (mim) dan penanda corak komunikasi bagi golongan yang berasosiasi dengan penggunaan *meme*. Kajian ini menggunakan Teori Lakuan Bahasa Bach & Harnis (1979). Pendekatan yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif melibatkan analisis kandungan *meme* yang dimuat naik dalam *Facebook UTHM Troll* sebanyak 121 buah. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa lakuan bahasa konstatif (LBK) lebih dominan dalam kajian ini iaitu sebanyak 64%. Lakuan bahasa direktif (LBD) yang ditonjolkan ialah sebanyak 10% dan lakuan bahasa gabungan (LBG) ialah sebanyak 26%. Lakuan bahasa gabungan terdiri daripada lakuan bahasa konstatif dan direktif, lakuan bahasa direktif dan konstatif, lakuan bahasa pengakuan dan konstatif serta lakuan bahasa konstatif dan lakuan bahasa komisitif. Melalui kajian ini, corak komunikasi melibatkan lakuan bahasa yang digunakan oleh generasi Z dapat diketahui.

METODOLOGI KAJIAN


Kajian ini telah menggunakan kaedah kualitatif melibatkan analisis kandungan teks. Analisis kandungan teks dilakukan terhadap ujaran yang dituturkan oleh watak-watak dalam filem '*Yek Icin Mahak*' (Rajah 1). Prosedur atau kaedah pengumpulan data yang sesuai amat penting bagi memastikan data yang diperoleh tepat, jelas dan sesuai dengan tujuan kajian dilakukan. Kajian ini melibatkan prosedur utama pengumpulan data dengan cara memilih filem berunsurkan pendidikan. Hal ini menyebabkan filem '*Yek Icin Mahak*' dipilih sebagai instrumen kajian. Filem '*Yek Icin Mahak*' merupakan salah satu filem khas sempena Hari Guru yang bertemakan pengorbanan dan perjuangan seorang guru dalam mendidik anak murid terutamanya murid-murid di sekolah Orang Asli. Filem ini telah mengangkat isu pendidikan dalam kalangan Orang Asli. Pengkaji juga memilih filem ini kerana ingin melihat aspek lakuan pertuturan yang sering digunakan dalam konteks filem berunsurkan pendidikan.



RAJAH 1. Poster filem 'Yek Icin Mahak'

Semasa menonton filem ini, dialog yang diujarkan oleh watak-watak akan ditranskripsi ke dalam bentuk teks bagi memudahkan pengkaji menganalisis ujaran-ujaran tersebut. Seterusnya, tontonan filem akan dilakukan secara berulang-ulang kali bagi mengenal pasti lakuan pertuturan yang terdapat dalam filem ini dan membaca berulang-ulang kali lakuan pertuturan yang terdapat dalam dialog. Data yang dikumpulkan melalui tontonan dan proses transkripsi akan dianalisis menggunakan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969) mengikut kategori dan subkategorinya. Proses pengumpulan data juga akan diteruskan lagi dengan proses penelitian dan semakan dengan lebih mendalam melibatkan beberapa sumber rujukan. Kajian ini turut melibatkan kaedah kepustakaan bagi mendapatkan

sumber rujukan dan memperkukuhkan kajian yang telah dijalankan ini. Bahan rujukan ini melibatkan buku, jurnal, prosiding dan sebagainya. Tambahan lagi, kajian ini melibatkan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969) yang memerlukan pembacaan dengan lebih mendalam. Searle (1969) mengatakan bahawa lakuan pertuturan ialah perkataan atau ungkapan yang dilafazkan oleh penutur bagi menunjukkan sesuatu perbuatan sama ada mencadang, melulus, menyatakan niat, menyampaikan makluman, bersetuju dan perbuatan lain. Lakuan bahasa yang dihasilkan ini mempunyai lima kategori yang utama iaitu direktif, asertif, ekspresif, komisif, dan deklaratif (Rajah 2). Berikut merupakan penjelasan mengenai teori yang digunakan dalam kajian ini.



RAJAH 2. Kategori-kategori Lakuan Pertuturan Searle (1969)

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian yang diperoleh iaitu lakuan pertuturan yang terdapat dalam filem 'Yek Icin Mahak' menggunakan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969). Perbincangan tentang dapatan kajian ini akan dijelaskan beserta dengan huraian tentangnya supaya lebih mudah difahami. Secara keseluruhannya, sebanyak 539 lakuan pertuturan yang terdapat dalam filem 'Yek Icin Mahak'. Berdasarkan kajian yang dijalankan hanya terdapat empat jenis kategori lakuan pertuturan daripada lima jenis kategori

dalam Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969) iaitu lakuan direktif, asertif, ekspresif dan komisif. Hasil dapatan kajian menunjukkan lakuan pertuturan yang mencatatkan kekerapan yang paling tinggi ialah lakuan lakuan direktif iaitu sebanyak 265 ujaran bersamaan 49.2%, diikuti dengan lakuan asertif sebanyak 165 ujaran bersamaan 30.6% dan lakuan ekspresif sebanyak 95 ujaran bersamaan 17.6%. Lakuan yang paling kurang digunakan ialah lakuan komisif iaitu sebanyak 14 ujaran bersamaan 2.6%. Lakuan yang tidak diujarkan dan digunakan oleh watak-watak dalam filem ini ialah lakuan deklaratif.

JADUAL 1. Kekerapan lakuan pertuturan dalam filem 'Yek Icin Mahak'

Lakuan Pertuturan	Kekerapan	Peratusan (%)
Direktif	265	49.2
Asertif	165	30.6
Ekspresif	95	17.6
Komisif	14	2.6
Deklaratif	0	0
Jumlah	539	100

LAKUAN DIREKTIF

Menurut Searle (1969) lakuan pertuturan direktif ialah lakuan yang digunakan oleh penutur untuk menggambarkan usahanya dalam memberikan arahan supaya diikuti oleh pendengar. Lakuan ini juga membuatkan pendengar melakukan arahan yang diberikan oleh penutur. Terdapat beberapa subkategori yang terdapat dalam lakuan ini iaitu lakuan pertanyaan, permintaan, permisif, arahan dan nasihat. Berikut merupakan lakuan direktif dan subkategorinya serta contoh ujaran yang terdapat dalam filem 'Yek Icin Mahak'.

PERTANYAAN

Menurut Searle (1969) lakuan pertanyaan diujarkan oleh penutur kepada pendengar bagi tujuan melakukan sesuatu. Menurut Aminnudin Saimon (2021) kata kerja yang sering ditandai dalam direktif pertanyaan adalah menggunakan kata atau ayat tanya. Kata atau ayat tanya yang terdapat dalam bahasa Melayu antaranya, 'apa', 'mana', 'bagaimana' dan 'kenapa'. Apabila mendengar lakuan pertanyaan ini, pendengar akan melakukan tindakan dan memberikan jawapan terhadap perkara yang ditanya oleh penutur.

JADUAL 2. Lakuan pertuturan direktif pertanyaan

Ujaran	Watak	Contoh Ujaran	Minit
U1	Cikgu Aisyah	Apa khabar, semua?	9:27
U2	Ago	Bangun, selamat pagi cikgu.	9:31
U3	Cikgu Aisyah	Saya Cikgu Aisyah, cikgu baru awak. Awak sihat? Hmm, cikgu dah berkenalan dah dengan semua kawan awak dekat sekolah dengan awak je belum, awak tinggal dengan siapa ni?	25:34
U4	Udin	Mak.	25:50

Jika dilihat dalam ujaran (1), penutur iaitu Cikgu Aisyah menggunakan kata tanya 'apa' bagi menanyakan sesuatu perkara. Ujaran ini dituturkan oleh Cikgu Aisyah semasa beliau masuk ke kelas supaya murid-murid memberikan perhatian terhadap kehadiran beliau dalam kelas itu. Ujaran (2) menunjukkan ketua kelas iaitu Ago memahami mesej yang disampaikan dalam pertanyaan Cikgu Aisyah dan memberikan maklum balas terhadap ujaran tersebut dengan meminta semua murid berdiri. Ujaran "awak sihat?" dan "awak tinggal dengan siapa ni" dalam ujaran (3) merujuk kepada pertanyaan seorang guru kepada muridnya yang sudah lama tidak datang ke sekolah. Hal ini bertujuan untuk mewujudkan komunikasi dan memperoleh maklumat yang diperlukan dengan baik. Ujaran (4) menunjukkan Udin mula memberikan maklum balas terhadap pertanyaan Cikgu Aisyah berdasarkan ujaran "awak tinggal dengan siapa ni".

PERMINTAAN

Lakuan direktif permintaan juga digunakan oleh penutur dalam filem 'Yek Icin Mahak' bagi mendapatkan sesuatu atau pertolongan daripada pendengar. Lakuan ini berlaku secara langsung dan tidak langsung antara penutur dengan pendengar. Menurut Aminnudin Saimon (2021) lakuan permintaan secara langsung berlaku melibatkan ujaran yang mempunyai kata permintaan seperti minta, tolong, mohon dan boleh dengan tujuan permintaan dan pertolongan. Permintaan secara tidak langsung pula penutur tidak menggunakan atau menyebut kata permintaan dalam ujarannya. Menurut Normah et al. (2020) penggunaan lakuan permintaan secara tidak langsung dalam meminta bantuan atau pertolongan seseorang juga boleh dikaitkan dengan prinsip kesantunan melibatkan pengurusan air muka kedua-dua pihak antara penutur dengan pendengar.

JADUAL 3. Lakuan pertuturan direktif permintaan

Ujaran	Watak	Contoh Ujaran	Minit
U5	Pengetua	Bagus cikgu, cikgu ni masih muda. Jadi apa yang saya harapkan ialah kreativiti baru dan tenaga baru daripada cikgu untuk meningkatkan peratusan kelulusan pelajar dalam subjek matematik terutamanya dalam tingkatan satu dan juga dalam kelas yang cikgu akan mengajar nanti. Jadi Cikgu Aisyah, selamat memulakan tugas.	9:00
U6	Pengetua	Saya nak cikgu buat sehabis kreatif.	1:00:08

Ujaran “Jadi apa yang saya harapkan ialah kreativiti baru dan tenaga baru daripada cikgu untuk meningkatkan peratusan kelulusan pelajar dalam subjek matematik terutamanya dalam tingkatan satu dan juga dalam kelas yang cikgu akan mengajar nanti.” dalam ujaran (5) merujuk kepada permintaan penutur iaitu pengetua sekolah kepada cikgu yang baru dipindahkan ke sekolah itu iaitu Cikgu Aisyah untuk meningkatkan peratusan pelajar dalam subjek Matematik melalui kreativiti dan tenaga baru yang ada dalam dirinya. Ujaran (5) juga menunjukkan permintaan penutur supaya pendengar bertindak dan dilakukan dengan sopan dan penuh hormat supaya mudah difahami dengan jelas oleh pendengar. Selain

itu, ujaran (6) pula membawa permintaan pengetua supaya Cikgu Aisyah membuat sesuatu mengikut keinginannya. Penutur tidak hanya mengungkapkan keinginannya melalui permintaan ini tetapi juga pengharapan bahawa pendengar akan memenuhi permintaan tersebut.

PERMISIF

Lakuan permisif juga diujarkan oleh penutur dalam filem ‘Yek Icin Mahak’ bagi mendapatkan keizinan pendengar untuk melakukan sesuatu tindakan iaitu membenarkan atau mengizinkan pendengar melakukan sesuatu (Searle 1969).

JADUAL 4. Lakuan pertuturan direktif permisif

Ujaran	Watak	Contoh Ujaran	Minit
U7	Tok Batin	Tok balik dulu ya , oh ha selamat jadi keluarga suku Temiar di sini.	6:56
U8	Ago	Dia tak nak cikgu, dia takkan tinggalkan mak dia dengan orang lain. Saya masuk kelas dulu.	34:01
U9	Cikgu Aisyah	Hmm, yalah.	34:08

Ujaran “tok, balik dulu ya” dan “saya masuk kelas dulu” dalam ujaran (7) dan (8) menunjukkan bahawa penutur meminta keizinan pendengar untuk pulang dan masuk ke kelas. Ujaran yang diujarkan oleh penutur mudah difahami kerana adanya perkataan permisif ‘balik dulu’ dan ‘masuk kelas dulu’. Perkataan tersebut merupakan kata adverba yang berfungsi untuk menerangkan ujaran yang dituturkan oleh penutur dengan lebih jelas. Apabila pendengar memahami perkara yang diujarkan oleh penutur, pendengar akan memberi keizinan kepada penutur. Misalnya, Cikgu Aisyah dalam ujaran (9) memberikan keizinan kepada muridnya untuk masuk ke kelas.

ARAHAN

Lakuan direktif arahan juga terdapat dalam filem ‘Yek Icin Mahak’. Menurut Searle (1969), lakuan arahan memerlukan pendengar melakukan tindakan dengan segera. Lakuan ini juga menunjukkan penutur berkuasa terhadap pendengar dari segi fizikal, psikologi atau kuasa terhadap pendengar dan membuatkan pendengar mematuhi arahan tersebut. Dalam konteks kajian ini, lakuan arahan sering digunakan oleh mereka yang memegang jawatan sebagai seorang guru.

JADUAL 5. Lakuan pertuturan direktif arahan

Ujaran	Watak	Contoh Ujaran	Minit
U10	Cikgu Aisyah	Okey takpe, keluarkan buku latihan, cikgu nak tengok sampai mana dah belajar. Kita tengok eh. Mana latihan tak pernah buat latihan ke? Yang lain, yang lain ada buku latihan?	10:20

Ujaran “keluarkan buku latihan, cikgu nak tengok sampai mana dah belajar” dalam ujaran (10) menunjukkan penutur mengarahkan pendengar melakukan sesuatu iaitu Cikgu Aisyah memberi arahan kepada murid-muridnya untuk mengeluarkan buku latihan. Perkataan ‘keluarkan’ digunakan bagi menegaskan arahan yang diberikan supaya murid-murid patuh dengan arahan tersebut. Situasi ini jelas

menunjukkan pelaksanaan arahan seorang guru untuk menyemak buku latihan murid-murid semasa belajar dengan guru sebelumnya.

NASIHAT

Lakuan nasihat diujarkan bertujuan untuk memberikan nasihat dan peringatan kepada

seseorang seperti yang diperkatakan oleh Nurul Syuhada dan Maslida Yusuf (2019) iaitu lakukan

direktif nasihat dapat memberikan petunjuk yang baik dan peringatan kepada pendengar.

JADUAL 6. Lakuan pertuturan direktif nasihat

Ujaran	Watak	Contoh Ujaran	Minit
U11	Cikgu Nazim	Shah pedulikan apa yang orang cakap tentang apa usaha awak untuk majukan pendidikan pelajar kat sini, awak teruskan dan saya nak awak tahu saya sentiasa berada di belakang awak.	58:55
U12	Cikgu Nazim	Awak tu lain kali cakap telefon volume speaker jangan kuat sangat semua orang dengar, nasib saya tak dengar yang bukan-bukan.	1:04:30

Dalam konteks ujaran (11) iaitu “Shah pedulikan apa yang orang cakap tentang apa usaha awak untuk majukan pendidikan pelajar kat sini, awak teruskan...” menunjukkan penutur iaitu Cikgu Nazim memberikan nasihat kepada pendengar sebagai tanda sokongan dan dorongan kepada pendengar iaitu Cikgu Aisyah supaya meneruskan usaha yang dilakukan untuk mendidik anak bangsa. Ujaran ini juga menunjukkan lakuan nasihat untuk memberikan semangat kepada pendengar agar tidak mudah putus asa dalam mendidik dan mengajar murid-murid di sekolah itu. Ujaran “awak tu lain kali cakap telefon volume speaker jangan kuat sangat semua orang dengar, nasib saya tak dengar yang bukan-bukan” dalam ujaran (12) pula menunjukkan lakuan nasihat yang bertujuan untuk menegur tingkah laku seseorang yang kurang sopan dan tidak sesuai dengan keadaan tersebut. Lakuan nasihat yang diberikan ini dapat membantu seseorang supaya sentiasa berwaspada dan menyedari setiap perbuatan yang dilakukan.

Tegasnya, kajian ini mendapati guru dalam filem ‘Yek Icin Mahak’ menggunakan lakuan direktif untuk bertanya, membuat permintaan, memberi keizinan, mengarah dan memberikan nasihat. Lakuan pertanyaan yang digunakan oleh guru menunjukkan guru sedang berinteraksi dengan murid-murid. Lakuan permisif menunjukkan guru dalam filem ini memberi keizinan kepada murid untuk melakukan sesuatu apabila mereka meminta kebenaran. Lakuan direktif yang diujarkan dalam filem ini juga menunjukkan guru memberikan arahan kepada murid semasa proses pengajaran dan pembelajaran berjalan lancar. Misalnya, guru mengarahkan murid-murid untuk mengeluarkan buku latihan. Semasa mengujarkan lakuan arahan, guru perlu memastikan ujaran itu difahami murid. Sebagai seorang guru, tugas kita adalah untuk memberi arahan dan panduan kepada murid sama ada dalam pembelajaran atau sebelum memulakan

sesuatu aktiviti. Kemahiran dalam memberi arahan ini perlu dikuasai oleh guru supaya murid dapat memahami kehendak guru dan maklumat yang diujarkan dapat difahami dengan baik. Kemahiran ini juga dapat membantu guru menjalankan tugasnya mendidik dan menjadikan interaksi antara murid dengan guru lebih menarik kerana murid memahami arahan yang diberikan. Sebagai seorang guru, nasihat perlu diberikan kepada murid-murid dan rakan-rakan sekerja dalam usaha mendidik anak bangsa. Misalnya, guru-guru yang mempunyai pengalaman, pengetahuan dan kepakaran dalam filem ini cuba membantu dan memberikan nasihat kepada guru yang baru ditugaskan mengajar di sekolah baru supaya bersemangat dalam mendidik dan meningkatkan kecemerlangan murid-murid di sekolah tersebut.

LAKUAN ASERTIF

Menurut Searle (1969) lakuan pertuturan asertif ialah lakuan yang melibatkan kepercayaan dan komitmen. Lakuan yang diujarkan oleh penutur melibatkan kebenaran sesuatu pernyataan dan mempunyai nilai yang benar. Subkategori yang terdapat dalam lakuan ini ialah makluman, pernyataan, laporan, perdebatan dan pengakuan. Apabila penutur melakukan pertuturan melibatkan lakuan ini, penutur akan menyatakan perkara yang benar dan berfakta dalam memberikan maklumat serta mementingkan nilai benar dalam ujaran penuturnya. Berikut merupakan lakuan asertif dan subkategorinya serta contoh ujaran yang terdapat dalam filem ‘Yek Icin Mahak’.

MAKLUMAN

Berdasarkan kajian ini, lakuan asertif makluman diujarkan oleh penutur kepada pendengar bagi menyampaikan sesuatu maklumat. Menurut Searle (1969) lakuan makluman bukan sahaja diujarkan untuk menyampaikan maklumat tetapi juga

digunakan untuk menambah maklumat sedia ada atau maklumat baharu. Lakuan ini juga melibatkan perbuatan yang dilakukan oleh penutur dengan

tujuan untuk menyampaikan maklumat kepada pendengar.

JADUAL 7. Lakuan pertuturan asertif makluman

Ujaran	Watak	Contoh Ujaran	Minit
U13	Cikgu Aisyah	Bukan. Ni tawaran ni nenek, diorang minta Aisyah mengajar dekat kawasan pedalaman.	0:52
U14	Pengetua	Mungkin sebelum cikgu sampai ke sini cikgu dah buat sedikit kajian, sekolah murid Orang Asli tak sama dengan sekolah-sekolah biasa , yalah di sini kami menghimpunkan semua murid daripada darjah satu sehingga ke tingkatan tiga. Cabarannya ialah nak memastikan murid-murid ini bersemangat untuk datang ke sekolah dan menjadikan ilmu itu keutamaan untuk diri mereka.	8:17

Ujaran (13) iaitu “Bukan. Ni tawaran ni nenek, diorang minta Aisyah mengajar dekat kawasan pedalaman.” menunjukkan lakuan makluman iaitu Cikgu Aisyah menjelaskan kepada neneknya tentang tawaran yang diperoleh untuk mengajar di kawasan pedalaman. Ujaran “sekolah murid Orang Asli tak sama dengan sekolah-sekolah biasa..” dalam ujaran (14) juga menunjukkan penutur iaitu pengetua memberi sesuatu maklumat kepada Cikgu Aisyah tentang sesuatu yang relevan iaitu keadaan dan cabaran mengajar di sekolah Orang

Asli yang mungkin berbeza dengan sekolah biasa. Lakuan yang diujarkan ini menunjukkan penutur memberikan sesuatu makluman kepada pendengar dengan jelas.

PERNYATAAN

Lakuan pernyataan ialah ujaran yang diujarkan dengan maksud membuat satu pernyataan. Menurut Searle (1969) lakuan ini bertujuan untuk menyatakan atau memberikan keterangan tentang sesuatu perkara yang boleh dipercayai.

JADUAL 8. Lakuan pertuturan asertif pernyataan

Ujaran	Watak	Contoh Ujaran	Minit
U15	Cikgu Aisyah	Oh dengan mak. Okey tak pe lah kalau macam tu kita sambung dekat sekolah esok ya.	25:52
U16	Udin	Saya dah berhenti sekolah.	25:57
U17	Cikgu Aisyah	Patutlah awak tak nak pindah tenang tempat ni.	40:10
U18	Cikgu Nazim	Aa itu satu tapi sebenarnya saya tak pindah sebab tunggu awak datang, yalah kalau saya takde nanti takut awak boring pula.	40:16

Penutur yang mengujarkan lakuan ini dikatakan sedang membuat satu pernyataan. Dalam konteks ujaran (16) iaitu “saya dah berhenti sekolah” menunjukkan penutur iaitu Udin sedang menyatakan fakta bahawa dia telah berhenti sekolah apabila Cikgu Aisyah menyatakan keinginan untuk berjumpanya di sekolah. Ujaran (17) iaitu “patutlah awak tak nak pindah, tenang tempat ini” menunjukkan penutur iaitu Cikgu Aisyah sedang menyatakan keadaan sesuatu tempat yang dia sendiri

merasai ketenangannya sehinggakan kawannya tidak mahu berpindah dari tempat tersebut.

PENGAKUAN

Berdasarkan kajian ini, lakuan asertif pengakuan juga terdapat dalam filem ‘Yek Icin Mahak’. Lakuan ini diujarkan bertujuan untuk mengakui sesuatu perkara sama ada benar atau salah.

JADUAL 9. Lakuan pertuturan asertif pengakuan

Ujaran	Watak	Contoh Ujaran	Minit
U19	Cikgu Aisyah	Sihat je habis kenapa Ago tak datang sekolah.	15:42
U20	Ago	Bangun lambat.	15:46
U21	Cikgu Aisyah	Dah bukan awak ke?	19:08
U22	Cikgu Nazim	Saya baru je sampai ni , ni ha kan tadi awak mesej saya nak nasi bungkus, ini ha.	19:10

Ujaran (20) merupakan bentuk pengakuan seorang murid yang sedang mengakui kesalahan tidak hadir ke sekolah kerana bangun lambat kepada gurunya. Ujaran ini jelas menunjukkan penutur sedang mengakui sesuatu yang dianggap benar oleh penutur. Ujaran (22) juga menunjukkan penutur mengakui sesuatu. Dalam konteks ujaran ini, Cikgu Nazim sedang mengakui bahawa bukan dia yang menyebabkan keadaan itu berlaku kepada Cikgu Aisyah. Ujaran “saya baru je sampai ni” menunjukkan pengakuan dia baru tiba di tempat tersebut untuk menghantar pesanan yang baru diterima sebentar tadi. Melalui lakuan pengakuan, usaha penutur untuk membetulkan sesuatu keadaan atau persepsi dapat dilihat dengan jelas.

Jelaslah, lakuan asertif dalam filem ‘Yek Icin Mahak’ menunjukkan tugas seorang guru menerangkan dan menjelaskan sesuatu maklumat berdasarkan fakta. Sebagai contoh, Cikgu Nazim cuba menerangkan kepada Cikgu Aisyah tentang pendidikan dalam kalangan murid Orang Asli yang begitu berbeza daripada murid biasa dari segi sikap, bahasa dan budaya. Kebanyakan murid Orang Asli tercicir daripada sistem pendidikan dan mempunyai taraf pendidikan yang rendah kerana kurang kesedaran dalam kalangan ibu bapa yang terlalu terikat dengan budaya suka berburu, meniaga dan mencari duit dengan menjual hasil hutan. Selain itu, lakuan ini juga digunakan oleh watak-watak dalam filem ini semasa berinteraksi untuk menyatakan sesuatu atau pendapat yang difikirkan semasa berkomunikasi. Misalnya, seorang guru dalam filem ini menyatakan sikap muridnya yang

selalu tidak hadir ke sekolah bukan kerana malas atau keras kepala tetapi disebabkan masalah yang dihadapinya. Dalam konteks pendidikan, lakuan ini dapat membantu guru memberikan sesuatu keterangan dan membuat pernyataan tentang konsep atau sesuatu maklumat dengan lebih jelas semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Hal ini bagi memudahkan murid-murid memahami sesuatu konsep, fakta atau idea dengan lebih jelas.

LAKUAN EKSPRESIF

Menurut Searle (1969) lakuan pertuturan yang menggambarkan sikap psikologi atau emosi penutur seperti suka, benci, bahagia dan duka ialah ekspresif. Lakuan ini selalunya melibatkan ungkapan penutur untuk menyatakan sesuatu perasaan. Subkategori yang terdapat dalam lakuan ini ialah permohonan maaf, penerimaan, pengesahan, sapaan, simpati dan terima kasih. Berikut merupakan lakuan ekspresif dan subkategorinya serta contoh ujaran yang terdapat dalam filem ‘Yek Icin Mahak’.

PERMOHONAN MAAF

Berdasarkan kajian ini, lakuan permohonan maaf diujarkan oleh seorang penutur bertujuan untuk meminta maaf terhadap pendengar kerana melakukan sesuatu kesalahan. Menurut Abd Ganing Laengkan et al. (2019) ujaran maaf digunakan untuk mengekspresikan sikap penyesalan dan kekesalan ketika melakukan kesilapan-kesilapan tertentu.

JADUAL 10. Lakuan pertuturan ekspresif permohonan maaf

Ujaran	Watak	Contoh Ujaran	Minit
U23	Udin	Minta maaf cikgu sebab menyusahkan cikgu sampai ke malam.	46:33
U24	Cikgu Nazim	Okey em sebelum tu jangan salah faham apa yang saya nak kongsi ni, awal-awal lagi saya nak minta maaf sebab korang berdua bukan nak merendahkan usaha korang cuma nak kongsi sebelum-sebelum ni pun sebenarnya memang ada usaha untuk bawa kak seha berubat kat luar tapi tak berjaya.	50:13

Lakuan maaf diujarkan bertujuan untuk meminta maaf terhadap pendengar kerana melakukan sesuatu kesalahan. Ujaran ‘minta maaf cikgu..’ dalam ujaran (23) menunjukkan permohonan maaf seorang murid terhadap gurunya kerana terkait juga dengan masalahnya sehinggakan cikgunya terpaksa menetap di rumahnya sampai ke malam. Ujaran “saya nak minta maaf..” dalam ujaran (24) pula menunjukkan permohonan maaf seorang penutur

iaitu Cikgu Nazim berserta dengan penjelasan supaya tidak menyinggung perasaan pendengar.

PENERIMAAN

Menurut Searle (1969) lakuan penerimaan merupakan perbuatan atau perihal menerima, menyambut, penghargaan, keizinan dan kebenaran serta tanggapan terhadap sesuatu.

JADUAL 11. Lakuan pertuturan ekspresif penerimaan

Ujaran	Watak	Contoh Ujaran	Minit
U25	Tok Batin	Cikgu, ini aje yang tok dapat sediakan untuk cikgu, harap cikgu selesa. Ini kunci.	6:28
U26	Cikgu Aisyah	Ini dah lebih dari selesa dah tok lagipun saya tinggal sorang je.	6:35

Dalam konteks ujaran “Ini dah lebih dari selesa dah tok lagipun saya tinggal sorang je.” dalam ujaran (26) menunjukkan penerimaan penutur kepada pendengar iaitu Cikgu Aisyah menerima tempat yang disediakan oleh ketua kampung untuk beliau menetap sepanjang mengajar di sekolah baru itu dengan menyatakan bahawa tempat yang disediakan sudah cukup kerana dia hanya tinggal bersendirian.

SAPAAN

Menurut Abd Ganing Laengkang (2018) lakuan sapaan merupakan lakuan untuk menegur sapa pendengar dan memainkan peranan penting untuk mewujudkan interaksi yang tinggi. Lakuan sapaan yang diujarkan menandakan amalan kesantunan dan adab orang Melayu. Lakuan ini juga digunakan untuk menunjukkan rasa hormat penutur dan bukannya menentukan siapa yang perlu memulakan sapaan terlebih dahulu.

JADUAL 12. Lakuan pertuturan ekspresif sapaan

Ujaran	Watak	Contoh Ujaran	Minit
U27	Cikgu Nazim	Assalamualaikum.	5:15
U28	Cikgu Aisyah	Walaikumuasalam. Hm Nazim.	5:17
U29	Murid-murid	Selamat pagi, cikgu.	9:37
U30	Ago	Selamat petang, cikgu.	20:37

Ujaran (27) menunjukkan lakuan sapaan seorang penutur terhadap pendengar iaitu Cikgu Aisyah menyapa Cikgu Nazim semasa berjumpa di jeti buat kali pertama. Ujaran ‘*assalamualaikum*’ juga sering digunakan oleh penganut agama Islam apabila bertemu antara satu sama lain. Ujaran (29) merupakan bentuk sapaan yang dilakukan oleh murid-murid kepada gurunya yang baru masuk

ke kelas. Ujaran (30) pula menunjukkan sapaan seorang murid, Ago kepada guru semasa berjumpa dengan gurunya, Cikgu Nazim di bilik guru. Dalam konteks ini, ujaran ini digunakan oleh penutur sebagai tanda hormat kepada guru. Lakuan sapaan juga menunjukkan penutur mempunyai tingkah laku yang santun dan beradab.

SIMPATI

JADUAL 13. Lakuan pertuturan ekspresif simpati

Ujaran	Watak	Contoh Ujaran	Minit
U31	Fatin	Sejak aku balik ke sana aku asyik teringat kak Seha tu, aku kesian kat dia. Aku ni tak cakaplah aku pandai sangat tapi aku cubalah nak tolong dia.	1:03:43
U32	Cikgu Aisyah	Hmm ya, aku pun harap sangat kak Seha tu cepat sembuh, yalah kalau dia sihat nanti sekurangnya anak dia pun selesa nak ke sekolah.	1:03:54

Ujaran “Sejak aku balik ke sana aku asyik teringat kak Seha tu, aku kesian kat dia..” dalam ujaran (31) dan “aku pun harap sangat kak Seha tu cepat sembuh,” dalam ujaran (32) menunjukkan rasa simpati penutur dan pendengar terhadap keadaan kesihatan yang menimpa seseorang serta berharap keadaan ini berubah. Ujaran tersebut menunjukkan rasa simpati dan ingin membantunya dari segi memberi sokongan emosi.

TERIMA KASIH

Menurut Abd Ganing et al. (2019) lakuan terima kasih merupakan salah satu bentuk penghargaan yang diucapkan kepada seseorang. Dalam konteks kajian ini, penutur banyak mengujarkan lakuan terima kasih kepada pendengar sebagai tanda penghargaan dan menghargai jasa seseorang.

JADUAL 14. Lakuan pertuturan ekspresif terima kasih

Ujaran	Watak	Contoh Ujaran	Minit
U33	Cikgu Aisyah	Terima kasih datang ambil saya.	5:42
U34	Cikgu Nazim	Sama-sama, aa apa pun saya nak ucapkan selamat datang ke perkampungan Orang Asli dan tahniah kerana berjaya jadi cikgu dekat sini. Aa tak pe jom.	5:44
U35	Tok Batin	Cikgu, terima kasih tengokkan Seha makan, kalau nak tunggu Udin ni, lagipun isteri tok tak dapat datang petang ni. Terima kasih sekali lagi.	37:54
U36	Cikgu Aisyah	Sama-sama takde apalah tok benda kecil aje.	38:08

Ujaran yang terdapat dalam lakuan terima kasih dapat dikaitkan dengan amalan kesantunan berbahasa. Menurut Siti Nur Adibah Sabarudin dan Aminuddin Saimon (2021) lakuan terima kasih diujarkan bertujuan untuk menghargai seseorang. Dalam konteks kajian ini, penutur banyak mengujarkan lakuan terima kasih kepada pendengar sebagai tanda penghargaan dan menghargai jasa seseorang. Sebagai contoh, ujaran ‘terima kasih’ dalam ujaran (33) menunjukkan tanda terima kasih seorang kawan kepada kawannya kerana datang mengambilnya. Ujaran ‘cikgu, terima kasih tengokkan Seha makan..’ dan ‘Terima kasih sekali lagi’ dalam ujaran (35) menunjukkan ucapan terima

kasih Tok Batin atas tindakan yang dilakukan oleh Cikgu Aisyah berserta dengan alasan ucapan itu diberikan kepadanya.

PUJIAN

Ujaran yang diujarkan dalam lakuan pujian ini menunjukkan bahawa seorang penutur sedang memuji pendengar atau orang lain semasa bercakap dengan mereka. Menurut Roswati Abdul Rashid et al. (2019) pujian digunakan dalam percakapan untuk mengeratkan sesuatu hubungan dan mewujudkan persefahaman antara satu sama lain.

JADUAL 15. Lakuan pertuturan ekspresif pujian

Ujaran	Watak	Contoh Ujaran	Minit
U37	Cikgu Nazim	Sama-sama, aa apa pun saya nak ucapkan selamat datang ke perkampungan Orang Asli dan tahniah kerana berjaya jadi cikgu dekat sini. Aa tak pe jom.	5:44
U38	Pengetua	Tahniah Cikgu Aisyah atas kejayaan yang membanggakan saya. Peratusan pelajar yang lulus dah meningkat sehingga 80% mungkin di sekolah lain ni perkara biasa tapi bagi sekolah ni ia amat memberangsangkan. Tahniah sekali lagi.	1:26:04

Ujaran yang diujarkan dalam lakuan pujian ini menunjukkan bahawa seorang penutur sedang memuji pendengar atau orang lain semasa bercakap antara satu sama lain. Menurut Abd Ganing Laengkang et al. (2020) lakuan pujian digunakan bertujuan mengatakan kebaikan dan kelebihan seseorang, mengekspresikan perasaan penghargaan dan menarik perhatian orang ramai. Ujaran “tahniah kerana berjaya jadi cikgu dekat sini” dalam ujaran (37) menunjukkan lakuan pujian penutur kepada pendengar iaitu Cikgu Aisyah kerana berjaya menjadi seorang guru di kawasan pedalaman. Ujaran “Tahniah Cikgu Aisyah atas kejayaan yang membanggakan saya.” dan “Tahniah sekali lagi.” dalam ujaran (38) pula merupakan pujian atas kejayaan dan pencapaian seseorang yang luar biasa. Ujaran ‘tahniah sekali lagi’ menunjukkan penegasan dan keikhlasan penutur iaitu pengetua dalam melakukan pujian terhadap Cikgu Aisyah.

Jelaslah, lakuan ekspresif digunakan dalam filem ini bertujuan untuk meminta maaf, bersimpati dengan nasib yang menimpa seseorang, mengucapkan terima kasih dan pujian. Kebanyakan ucapan terima kasih banyak digunakan untuk menghargai jasa seseorang. Pujian pula melibatkan kesungguhan dan kejayaan guru dalam mendidik dan meningkatkan pencapaian akademik di sekolah. Dalam konteks pendidikan, lakuan ekspresif terima kasih yang diujarkan oleh murid kepada guru merupakan sesuatu yang amat bernilai. Hal ini dikatakan demikian kerana terdapat banyak pengorbanan dan perjuangan yang telah dilakukan oleh guru dalam mendidik dan membimbing murid-murid sehingga berjaya terutamanya bagi guru-guru yang terpaksa mengajar di sekolah pedalaman yang jauh dari negeri asal. Lakuan ini juga dapat membantu

guru melihat cara seorang pendidik dalam memberi pujian sehinggakan dihargai oleh murid-murid dan bermotivasi untuk terus melakukan sesuatu perkara. Walaupun pujian merupakan bentuk penghargaan yang paling mudah namun mampu memberi kesan yang besar dalam memotivasikan murid untuk belajar, memperbaiki kelemahan yang ada dalam dirinya dan memberi semangat untuk mencuba sesuatu yang baharu. Sebagai seorang guru, pujian dan kata-kata semangat perlu diberikan kepada murid-murid dalam meningkatkan keyakinan murid untuk belajar, bersemangat dan fokus terhadap perkara yang disampaikan oleh guru.

LAKUAN KOMISIF

Searle (1969) menyatakan lakuan komisif merupakan lakuan pertuturan yang mempertanggungjawabkan penutur untuk melakukan sesuatu tindakan atau aksi pada masa akan datang. Lakuan ini biasanya melibatkan niat penutur, bersikap ramah-tamah dan tiada lakuan persaingan antara penutur dengan pendengar. Subkategori lakuan pertuturan komisif ialah penawaran, perjanjian dan penolakan. Berikut merupakan lakuan komisif dan subkategorinya serta contoh ujaran yang terdapat dalam filem ‘Yek Icin Mahak’.

PERJANJIAN

Menurut Searle (1969) lakuan perjanjian merujuk kepada persetujuan yang dilakukan antara satu pihak dengan pihak yang lain atau lebih. Lakuan ini juga merupakan perjanjian yang dilakukan oleh penutur kepada pendengar yang memerlukan penutur melakukan sesuatu tindakan pada masa akan datang.

JADUAL 16. Lakuan pertuturan komisif perjanjian

Ujaran	Watak	Contoh Ujaran	Minit
U39	Pengetua	Aa mungkin sebelum cikgu sampai ke sini, cikgu dah buat sedikit kajian sekolah murid Orang Asli tak sama dengan sekolah-sekolah biasa, yalah di sini kami menghimpunkan semua murid daripada darjah satu sehingga ke tingkatan tiga. Cabarannya ialah nak memastikan murid-murid ini bersemangat untuk datang ke sekolah dan menjadikan ilmu itu keutamaan untuk diri mereka.	08:17
U40	Cikgu Aisyah	Ya betul tu, hmm, InshaAllah. InshaAllah , walaupun baru tiga tahun je saya jadi cikgu tapi saya akan cuba sedaya upaya untuk gunakan pengalaman saya ada ini untuk bantu kecemerlangan akademik kat sini. InshaAllah.	8:43
U41	Cikgu Aisyah	Udin belajar je sungguh-sungguh, cikgu janji kita akan rawat mak sampai mak sembuh.	54:32

Menurut Aswadi Mohamad dan Zaitul Azma Zainon Hazmah (2018) lakuan perjanjian melibatkan penggunaan kata bantu ‘akan’ yang membolehkan penutur berjanji dan berikrar untuk melaksanakan sesuatu yang telah diperjanjikan. Misalnya, ujaran ‘*InshaAllah.*’ dalam ujaran (40) menunjukkan bahawa penutur iaitu Cikgu Aisyah membuat perjanjian kepada pengetua untuk menggunakan pengalaman yang ada dalam dirinya untuk membantu meningkatkan kecemerlangan dalam kalangan murid di sekolah itu. Ujaran “cikgu janji kita akan rawat mak sampai mak sembuh.” dalam ujaran (41) merupakan sebuah perjanjian yang akan dilakukan oleh Cikgu Aisyah untuk merawat ibunya sekiranya Udin belajar dengan bersungguh-sungguh. Kedua-

dua ujaran ini menggunakan kata bantu ‘akan’ yang akan membawa perubahan pada masa akan datang. Hal ini menunjukkan bahawa perjanjian yang dilakukan ini memerlukan pendengar melakukan tindakan pada masa akan datang.

PENOLAKAN

Menurut Searle (1969), lakuan penolakan menunjukkan seseorang tidak menerima dan bersetuju perkara yang diujarkan oleh orang lain. Menurut Nur Jannah Ab Rahman dan Maslida Yusof (2017) lakuan penolak terbahagi kepada dua jenis iaitu penolakan secara langsung dan tidak langsung yang melibatkan penolakan ajakan atau pelawaan, tawaran, permintaan dan cadangan.

JADUAL 17. Lakuan pertuturan komisif penolakan

Ujaran	Watak	Contoh Ujaran	Minit
U42	Fatin	Hmm so kau nak aku hantar tak?	31:11
U43	Cikgu Aisyah	Hmm kau nak hantar aku, setakat Kelantan tak payahlah , aku naik bukit sorang pun boleh, kawan kau ni.	31:13
U44	Fatin	Aku cadangkan kita bawa kak Seha ni pergi terima rawatan kat hospital.	52:27
U45	Udin	Tak tak tak. Takde siapa boleh pisahkan saya dengan mak saya.	52:32

Ujaran “setakat Kelantan tak payahlah,.” dalam ujaran (42) menunjukkan bahawa penutur membuat penolakan terhadap tawaran yang diajukan oleh pendengar. Dalam konteks ujaran ini, Cikgu Aisyah menolak tawaran rakannya untuk dihantar ke suatu tempat dengan menyatakan bahawa dia boleh pergi ke tempat itu sendiri tanpa bantuan. Perkataan ‘tak’ dalam ujaran (45) pula merujuk kepada penegasan yang dilakukan oleh penutur dalam membuat

penolakan terhadap sesuatu yang diucapkan oleh pendengar. Ujaran ini jelas menunjukkan Udin membuat penolakan secara langsung terhadap cadangan yang diberikan oleh rakan gurunya.

Tegasnya, lakuan komisif dalam filem ‘Yek Icin Mahak’ hanya melibatkan perjanjian dan penolakan. Dalam kajian ini, konteks perjanjian melibatkan perjanjian seorang guru untuk membantu kecemerlangan akademik pelajar di

sekolah dan menyembuhkan kesihatan ibu salah seorang murid di sekolah itu. Lakuan penolakan juga digunakan dalam membuat penafian terhadap sesuatu maklumat atau cadangan yang diberikan. Dalam filem ini, lakuan penolakan juga digunakan untuk menyatakan ketidaksukaan terhadap sesuatu perkara seperti ujaran pendengar dalam ujaran (45). Dalam konteks pendidikan, perjanjian seorang guru kepada murid dapat membantu membina hubungan yang baik antara guru dengan murid terutamanya melibatkan murid yang bermasalah. Sebagai contoh, cikgu dalam filem ini berjanji untuk membantu anak muridnya yang menghadapi masalah dan mencari cara untuk menyelesaikan masalah tersebut. Sebagai seorang guru, nilai tanggungjawab mendidik anak bangsa perlu ditanam dalam diri seperti janji yang dilakukan oleh guru baharu dalam filem ini yang akan menggunakan pengalaman yang ada untuk membantu kecemerlangan murid-murid di sekolah tersebut.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, hasil kajian ini mendapati bahawa dalam filem pendidikan 'Yek Icin Mahak' terdapat empat kategori lakuan pertuturan berdasarkan teori Searle (1969). Teori Searle mengklasifikasikan lakuan pertuturan kepada lima kategori tetapi dalam filem ini hanya empat kategori lakuan pertuturan yang digunakan iaitu lakuan direktif, asertif, ekspresif, dan komisif. Dalam konteks pendidikan bagi seorang guru, lakuan direktif yang diujarkan oleh guru menggambarkan ciri-ciri dan sikap yang perlu ada dalam diri seorang guru iaitu suka bertanya, membuat permintaan, memberi keizinan dan arahan kepada murid serta memberikan nasihat. Lakuan asertif pula menggambarkan ciri seorang guru dalam menerangkan dan menjelaskan maklumat kepada murid. Maklumat perlu dijelaskan dengan baik supaya murid memahami perkara yang diajar oleh guru. Lakuan ekspresif dalam filem ini pula kebanyakan diujarkan oleh murid melibatkan ungkapan terima kasih bagi menghargai jasa guru yang pernah mengajar dan mendidik tanpa mengenal putus asa. Lakuan komisif diujarkan oleh guru bagi dalam membuat perjanjian untuk meningkatkan prestasi murid dalam pelajaran.

Lakuan deklaratif tidak terdapat dalam filem ini kerana dalam filem ini tiada situasi yang memerlukan seperti pengisytiharan, pemecatan seseorang atau pengumuman keputusan rasmi. Kajian ini dilihat sangat signifikan terutamanya kepada guru kerana hasil dapatan kajian telah merungkai lakuan pertuturan dalam konteks pendidikan. Hal ini dikatakan demikian kerana dalam filem berunsurkan pendidikan seperti filem 'Yek Icin Mahak' ini terdapat empat jenis lakuan pertuturan yang telah dikenal pasti dan lakuan yang paling dominan diujarkan oleh guru dalam konteks pendidikan ialah lakuan direktif. Kajian ini diharapkan dapat membantu guru dalam proses pengajaran dan pembelajaran serta komunikasi dengan murid supaya mereka lebih memahami dan mengaplikasikan lakuan pertuturan dalam konteks sebenar di sekolah. Oleh itu, kajian ini diharapkan dapat memberikan manfaat kepada guru dan murid dalam berkomunikasi dengan baik dalam pelbagai situasi kehidupan sebenar.

RUJUKAN

- Abd Ganing Laenggang, Ab Razak Ab Karim & Rohaidah Haron. 2020. Lakuan bahasa janji dan ekspresi: Kajian terhadap ucapan lisan Tun Dr. Mahathir dalam isu 1MDB. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication and Humanities* 3(2): 73-91.
- Abd Ganing Laenggang, Rohaidah Haron & Ab Razak Ab Karim. 2019. Lakuan bahasa ekspresif Tun Dr. Mahathir: Kajian kes terhadap 40 artikel Chedet. cc. *Malaysian Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(1): 19-27.
- Abd Ganing Laenggang. 2018. Analisis lakuan bahasa terhadap teks khutbah jumaat Negeri Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor* 2(1): 1-18.
- Aminnudin Saimon. 2019. Lakuan bahasa dalam filem Melayu terpilih. [Tesis PhD]. Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Aminnudin Saimon. 2021. Lakuan pertuturan dalam filem Nordin Ahmad. *International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(1): 033-052.
- Aswadi Mohamad & Zaitul Azma Zainon Hamzah. 2018. Struktur bahasa dalam situasi banjir di Kelantan dari sudut lakuan pertuturan. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities* 3(3): 17-25.
- Normah Ahmad, Amirah Ahmad & Sharina Shahrudin. 2020. Lakuan bahasa permintaan dalam kalangan pelajar Melayu di Akademi Pengajian Bahasa Di UiTM Shah Alam. *Jurnal Linguistik* 24 (2): 1-16.
- Nur Jannah Ab Rahman & Maslida Yusof. 2017. Strategi berkomunikasi generasi muda Melayu: Analisis lakuan bahasa penolakan. *Jurnal Melayu (Isu Khas)*: 254-274

Wan Nor Azlina Abdullah
Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan
Idris
E-mel: azlinawn235@gmail.com
Pengarang Koresponden

Mohamad Rozi Kasim
Fakulti Bahasa dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan
Idris
E-mel: mrozi@fbk.upsi.edu.my

- Nurul Afifah Adila Mohd Salleh, Maslida Yudof, & Karim Harun. 2021. Kajian lakuan bahasa di Malaysia: Analisis terhadap trend data. *Jurnal Linguistik Malaysia* 25 (2): 96-110.
- Nurul Syuhada Shuib & Maslida Yusof. 2019. Lakuan bahasa dalam ceramah agama. *Akademika* 89 (Isu Khas): 41-53.
- Searle J.R. 1969. *Speech Acts: An Essay in the Philosophy of Language*. New York: Cambridge University Press.
- Siti Nur Adibah Sabarudin & Aminnudin Saimon. 2021. Lakuan pertuturan dalam video infografik COVID-19. *Jurnal Bahasa* 21(2): 325-352.
- Wan Nur Azira & Maslida Yusof. 2021. Lakuan bahasa meme dalam komunikasi internet gen Z. *Jurnal Melayu* 20(1): 1-18.